



الجامعة التقنية الماليزية
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

eISSN 2821-3602



9 7 7 2 8 2 1 3 6 0 0 7



Sidang Redaksi BULETIN CITRA

Penaung

Profesor Madya Dr Mohd Haidzir Abd Manaf
Penolong Rektor
UiTM Cawangan Selangor,
Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan

Penasihat

Dr. Norhasnida Nordin
En Mohd Yazrie Yacob

Ketua Editor

Aizad Haqimi Mhd Salimi

Penyelaras

En. Hilmi Abdullah, En. Mohd Azhar Mohd Radzuan,
En. Mohd Yazrie Yacob, En. Muhammad Aliff Haikal
Roslan, Pn. Alliya Amira Yasin, Pn. Noor Aznie Aziz,
Pn. Nurul Nadzirah Ismail, Pn. Suhaili Ajib

Penulis Laporan

Aisyah Sofea Affendi, Anis Dania Izzati Mohd
Zulkeflie, Azrai Sazwan Suhaimi, Galuh Chendana
Qirana Sulhan, Ramleyanshah Rosley, Sofea Adlynn
Syazwina Rahimi, Mohd Shameer Ihaping, Mohamad
Akmal Mohd Ashari, Mohamad Hanis Hakim
Kasudinata, Muhammad Amirul Azra Azhar,
Muhammad Na'im Ahmad Helmi, Muhammad
Norhaziq Izman, Nur Saadiah Hafidz, Nurul Izzah
Atirah Mohamad Sani

Pereka Grafik & Susun Atur

Aizad Haqimi Mhd Salimi, Adam Kamal Eehan Kamal
Aznizam



Sidang Redaksi Buletin Citra berhak meminda, mengubah dan menggarap manuskrip yang dihantar agar bersesuaian dengan garis panduan yang ditetapkan dan tidak mengubah isi asalnya. Semua manuskrip yang diterima sama ada disiarkan ataupun tidak disiarkan tidak akan dikembalikan. Manuskrip ini juga boleh digunakan oleh pihak yang diberi kebenaran untuk masa-masa akan datang. Kami mengalu-alukan sebarang cadangan atau komentar, surat menyurat, rencana dan ulasan ke meja Sidang Redaksi atau emel ke aizad.jpkusb@gmail.com.

Sidang Redaksi Buletin Citra merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh & Selayang dan semua Bahagian di UiTM yang menjayakan penerbitan buletin Edisi Januari-Jun 2024.

Sebarang makluman dan pertanyaan
Sila hubungi:

Sidang Redaksi Buletin Citra
Jawatankuasa Perwakilan Kolej Sesi 2023/2024
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh, 47000 Sungai Buloh
SELANGOR

SKANDUNGAN SIS

4 – 6	<h2 style="text-align: center;">SEGMENT KATA PENDAHULUAN</h2> <p>Prakata daripada Penolong Rektor, UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan</p> <p>Prakata daripada Pengetua Kolej Kediaman, UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan</p> <p>Tinta Editor daripada Ketua Editor, Sidang Redaksi Buletin Citra UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan</p>
7 – 11	<h2 style="text-align: center;">SEGMENT ORGANISASI</h2> <p>Carta Organisasi Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP), UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan.</p> <p>Carta Organisasi Staf Residen Kolej (SRK), UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang.</p> <p>Carta Organisasi Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang.</p> <p>Carta Organisasi Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang.</p>
12 – 18	<h2 style="text-align: center;">SEGMENT DIARI AKTIVITI – FASA 1</h2> <p>Annual General Meeting (AGM)</p> <p>Bersalahkah Aku? 2.0</p> <p>Kursus Pengurusan Organisasi (KPO)</p> <p>Home Sweet Home (HSH) Siri 1</p> <p>Temu Mesra Bersama Penolong Rektor</p> <p>Ekspedisi Usahawan Muda UiTM (EUUMIS)</p>
19 – 25	<h2 style="text-align: center;">SEGMENT FESTIVAL SENTUHAN KASIH RAMADAN (FESKARA)</h2> <p>Kantung Ihsan Siswa</p> <p>Pertandingan Kesenian Islam</p> <p>Ceramah Heart To Al-Quran</p> <p>Unifuelramadan: Bubur Lambuk Edition</p> <p>Majlis Perasmian Penutupan & Iftar Perdana</p>
26 – 32	<h2 style="text-align: center;">SEGMENT DIARI AKTIVITI – FASA 2</h2> <p>Home Sweet Home (HSH) Siri 2</p> <p>Nurani Raya: Berkilau dengan Kebahagiaan dan Keberkatan</p> <p>Preloved Carbootsale Bazaar</p> <p>Pocket Pixel Mastery</p> <p>Kejohanan Bola Sepak: Piala Pengetua</p>
34-37	<h2 style="text-align: center;">SEGMENT PENYERTAAN KOLEJ</h2> <p>Aktiviti penyertaan pelajar kolej kediaman & Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP).</p>

SEBAIT MADAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada pihak URHP kerana memberikan ruang kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatialah dua kata dalam Buletin Citra Edisi Januari-Jun 2024. Sekalung ucapan tahniah saya rakamkan buat warga kolej, khususnya Sidang Redaksi Buletin Citra yang telah berjaya menerbitkan Buletin Citra Edisi Januari-Jun bagi tahun ini. Bagi pihak kampus, segala komitmen dan sumbangan warga kolej yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buletin ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti bersama pelajar di kolej dapat merangsang dalam pembangunan minda pelajar. Pelajar dapat mengumpul pengalaman yang banyak sebelum menjakkan kaki ke alam pekerjaan. Ilmu-ilmu seperti ini dapat membantu mereka di alam perkerjaan kelak.

Saya berharap program-program yang dianjurkan oleh kolej dapat dikekalkan bagi membantu pelajar mendapatkan pengalaman sebelum ke alam pekerjaan.

*“Bukan ilmu yang seharusnya mendatangimu,
tapi kamu seharusnya mendatangi ilmu”*
- Imam Malik



Prof. Madya Dr Mohd Haidzir Abd Manaf
Penolong Rektor,
UiTM Cawangan Selangor,
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan

SEKAPUR SIRIH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan izin-Nya, Buletin Citra terbitan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang bagi edisi Januari - Jun 2024 akhirnya menemui anda sekali lagi.

Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin Citra khususnya, Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Sekretariat Kolej Kediaman atas usaha dan kerjasama dalam menyempurnakan buletin ini.

Pelbagai aktiviti telah disempurnakan dalam enam bulan pertama tahun 2024 ini. Kesemua memori setiap program yang berlaku telah ditintakan dalam buletin ini. Semoga ia menjadi sebahagian momen manis untuk dikenang.

Seterusnya, harapan saya kita terus bersemangat untuk menerbitkan lebih banyak lagi buletin seperti ini yang akan dapat membawa nama kolej kediaman UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan ke tahap yang lebih membanggakan.

“Sulamlah ilmu dengan adab budi pekerti agar menjadi bijaksana yang dihormati dan menawan hati.”

- Anis Nordin (2024)

Dr. Norhasnida Nordin
Pengetua Kolej Kediaman
UiTM Cawangan Selangor,
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan



TINTA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pertamanya, saya amat bersyukur kerana Buletin Citra Edisi Januari - Jun 2024 ini akhirnya dapat ditintakan buat hidangan pembaca sekalian.

Tiada yang lebih menggembirakan selain daripada berkongsi dengan warga UiTM mengenai aktiviti dan kejayaan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan yang berlangsung di UiTM.

Semoga dengan perkongsian yang sederhana ini dapat memberi manfaat kepada semua.

Kami, Sidang Redaksi Buletin Citra, memohon maaf atas kekurangan penerbitan kali ini dan sebarang cadangan dan pandangan boleh terus diajukan kepada kami.

Terima kasih.

*“Kejayaan Bukan Diukur Dengan Pencapaian,
Tetapi Usaha”
- Hamka*

Aizad Haqimi Mhd Salimi
Ketua Editor,
Sidang Redaksi Buletin Citra
UiTM Cawangan Selangor,
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan



Segmen

ORGANISASI

Kolej

ORGANISASI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BOLEH CITRA
Edisi JANUARI
JUN 2024



Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan



CARTA ORGANISASI UNIT RESIDENSI DAN HOSPITALITI PELAJAR SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN



**PROFESOR DR AHMAD TAUFEK
ABDUL RAHMAN**

Rektor



**PROFESOR MADYA DR. MOHD
HAIDZIR ABD MANAF**

Penolong Rektor



DR. NORHASNIDA NORDIN

Pengetua



NURUL NADZIRAH ISMAIL

Penolong Pendaftar

SELAYANG



NORAFIDAH ROSLI

Penolong Pengurus Asrama
Kanan

SUNGAI BULOH



**NIK NAZIM NIK MOHD
KAMAIL**

Penolong Pengurus Asrama
Kanan

TELUK INTAN



MOHD HANIF ABD KARIM

Penolong Pengurus Asrama



**ZULIFAH RINA MOHD
ZULKIFLI**

Penyelia Asrama Kanan



**NUR FATIMAH IBRAHIM
NGAJIMI**

Penyelia Asrama Kanan



AZLINA NORMAN

Kerani



**MUHAMAD FAIZ
YAHYA**

Pembantu Operasi



**MOHAMMAD NOR THAQIF
NORDIN**

Pembantu Operasi



**MUHAMMAD FARHAN
BIN AMAD BISTOMAM**

Pembantu Operasi



<https://selangor.uitm.edu.my/index.php/ms/student-residency-and-hospitality-unitof body text>

ORGANISASI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BULETIN CITRA
Edisi JANUARI
JUN 2024

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Kampus Selayang

KOLEJ KEDIAMAN
SENGKANG & TELUK INTAN

CARTA ORGANISASI

STAF RESIDEN KOLEJ KOLEJ KEDIAMAN SUNGAI BULOH & SELAYANG



HILMI ABDULLAH

SUHAILI AJIB

NURUL NADZIRAH ISMAIL

MUHAMMAD ALIFF HAikal ROSLAN

MOHD YAZRIE YACOB

NOOR AZNIE AZIZ

ALLIYA AMIRA YASIN

MOHD AZHAR MOHD RADZUAN



<https://selangor.utm.edu.my/index.php/ms/student-residency-and-hospitality-unit>

ORGANISASI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BOLEH CITA
Edisi JANUARI
JUN 2024



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Kampus Selayang



JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ (JKP) SESI 2023/2024

KOLEJ KEDIAMAN UiTM SUNGAI BULOH & SELAYANG

MAJLIS TERTINGGI



SETIAUSAHA AGUNG
GALUH CHENDANA
QIRANA SULHAN



NAIB YANG DIPERTUA 1
AZRAI SAZWAN
BIN SUHAIMI



YANG DIPERTUA
MOHAMAD SHAMEER
BIN IHAPING



NAIB YANG DIPERTUA 2
AMIRAH AQILAH
BINTI KHAIRULNIZAM



BENDAHARI KEHORMAT
NUR RIZAH
BINTI LASIMA

JABATAN MAKLUMAT/ INFORMASI



EXCO MULTIMEDIA
AIZAD HAQIMI
BIN MHD SALIMI



EXCO PUBLISITI
ADAM KAMAL EEHAN
BIN KAMAL AZNIZAM



EXCO KEBAJIKAN
DAN FOODBANK
NURUL IZZAH ATIRAH
BINTI MOHAMAD SANI



EXCO KEROHANIAN
NUR SAADIAH
BINTI HAFIDZ

JABATAN KHIDMAT KOLEJ



EXCO KEUSAHAWANAN
MOHAMAD AKMAL BIN
MOHD ASHARI



EXCO TAJAAN DAN
PENJANAAN
MUHAMMAD DANISH
ISKANDAR MOHD YUSNI



EXCO ADUAN
RAMLEYANSHAH
BIN ROSLEY



EXCO KESELAMATAN
MUHAMMAD AMIRUL
AZRA AZHAR

JABATAN PEMBANGUNAN KOLEJ



EXCO AKADEMIK /
INOVASI
MOHAMAD HANIS HAKIM
BIN KASUDINATA



EXCO SUKAN/REKREASI
MUHAMMAD NORHAZIQ
BIN IZMAN



EXCO KEBUDAYAAN
NURUL MAZRIANA
BINTI MURAD



EXCO DIPLOMATIK/
ANTARABANGSA
AISYA SOFEA
BINTI AFFENDEI

JABATAN PERHUBUNGAN

EXCELLENT, SYNERGY, INTEGRITY

#JKPKUSB #UITMKSBS
#ExcellentSynergyIntegrity

@JKPKUSB Official JKP Sg Buloh & Selayang

ORGANISASI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BULETIN CITRA
Edisi JANUARI
JUN 2024



Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Kampus Selayang



SEKRETARIAT KOLEJ KEDIAMAN SESI 2023/2024

KOLEJ KEDIAMAN UI TM SUNGAI BULOH & SELAYANG

MAJLIS TERTINGGI



PRESIDEN SEKRETARIAT
NUR ALIYA IMAN BINTI
MUHAMAD SALLEH

JABATAN MAKLUMAT/ INFORMASI



EXCO MULTIMEDIA
SOFEA ADLYNN
SYAZWINA BINTI RAHIMI



EXCO PUBLISITI
IFFAH SYAZWINA
BINTI MAZELI ESELAN

JABATAN KEBAJIKAN KOLEJ



EXCO KEBAJIKAN
DAN FOODBANK
ANIS DANIA IZZATI
BINTI MOHD ZULKEFLEE



EXCO KEROHANIAN
AMIR NASUHA BIN
MOHD AZHAR EFFENDI

JABATAN KHIDMAT KOLEJ



EXCO KEUSAHAWANAN
ABY DANIEL HAQEM
BIN AB MAJID



EXCO TAJUAN DAN
PENJANAAN
ALIAH SOFEA
BINTI MOHD NAZERI



EXCO ADUAN
QAISARA BATRISYIA
BINTI AMINUDDIN



EXCO KESELAMATAN
AISHAH BINTI
MUSTAFAKAMAL

JABATAN PEMBANGUNAN KOLEJ



EXCO AKADEMIK /
INOVASI
MUHAMMAD NA'IM
BIN AHMAD HELMI



EXCO SUKAN/REKREASI
MUHAMMAD AFIQ
BIN RIZHAM



EXCO KEBUDAYAAN
AMIEN FIRDAUS
BIN MOHD JALALUDIN



EXCO DIPLOMATIK/
ANTARABANGSA
NUR HANISAH
ZULAKHA BINTI ZAINI

JABATAN PERHUBUNGAN

EXCELLENT, SYNERGY, INTEGRITY

#JPKUSB #UITMKSBS
#ExcellentSynergyIntegrity

@JPKUSB Official JPK Sg Buloh & Selayang

Segmen

DIARI AKTIVITI

Fasa 1

ANNUAL GENERAL MEETING (AGM)

Pelapor: Mohammad Shameer Ihaping

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang telah menjayakan program Annual General Meeting (AGM) pada 9 Januari 2023 yang bertempat di Auditorium 1 Khalid Yusoff, Fakulti Perubatan, UiTM Sungai Buloh.

Program ini dianjurkan bagi memperkenalkan barisan kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Sekretariat Kolej bagi sesi 2023/2024 disamping menjadi suatu platform kepada penghuni Kolej Kediaman untuk menyuarakan pandangan mereka tentang penambahbaikan Kolej Kediaman daripada aspek infrastruktur ataupun program



akan datang. Majlis AGM turut menampilkan mantan Yang Dipertua JPK dan mantan Bendahari Kehormat 2022/2023 bagi membentangkan

laporan program dan kewangan sepanjang sesi yang lepas bagi menjadi penanda aras bagi JPK bagi sesi yang baharu.

KOMPLEKS AUDITORIUM KHALID YUSOFF

Barisan JPK
2023/2024

Organisasi JPK akan diterajui oleh Majlis Tertinggi JPK dan dibantu oleh 5 Jabatan dengan portfolio yang berbeza iaitu Jabatan Perhubungan, Jabatan Maklumat/Informasi, Jabatan Kebajikan Kolej, Jabatan Pembangunan Kolej dan Jabatan Khidmat Kolej.



HARAPAN KAMI

JPK dan Sekretariat dapat menjalankan tanggungjawab yang dipikul dan amanah yang diberikan dengan penuh komited dan ikhlas. Semoga Kolej Kediaman UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang semakin cemerlang.

BERSALAHKAH AKU? 2.0

Pelapor: Ramleyanshah Rosley

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Staf Residen Kolej (SRK) UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah berjaya menganjurkan Program "Bersalahkah Aku? 2.0" pada 18 Januari 2023 bertempat di Auditorium 2 Khalid Yusoff, UiTM Kampus Sungai Buloh.



Program ini merupakan satu inisiatif yang dianjurkan bagi mengawal kesalahan dan salah laku dikalangan pelajar yang tinggal di kolej kediaman dengan menampilkan penceramah jemputan, DSP/PB Armyn Fahmy Mohd Fahmy, Timbalan Pendaftar Kanan (HEP) UiTM.



YBhg. Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor berbesar hati merasmikan program ini yang dihadiri seramai 130 orang pelajar. Dalam ucapan perasmiannya, beliau turut mengingatkan pelajar agar sentiasa cakna dengan peraturan dan dasar yang terpaktai sepanjang tinggal di kolej kediaman.

KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO)

Pelapor: Azrai Sazwan Suhaimi



DI SINI PEMIMPIN DILAHIRKAN

Staf Residen Kolej (SRK) dan dibantu oleh Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah berjaya menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi yang diadakan di UiTM Teluk Intan dan Teluk Batik, Perak. Program Ini adalah satu inisiatif untuk melatih JPK dan Sekretariat Kolej yang baru sahaja dilantik dalam menguruskan satu-satu organisasi, merancang program baharu untuk sesi 23/24 dan dalam masa yang sama mengeratkan hubungan sesama JPK, SRK dan URHP.



YBrs. Dr Norhasnida Nordin, Pengetua Kolej Kediaman UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah merasmikan penutupan program ini. Beliau turut mengingatkan barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Sekretariat Kolej Kediaman untuk sentiasa cakna dengan permasalahan pelajar sepanjang tinggal di kolej kediaman dan tindakan segera perlu diberikan melalui saluran yang tepat.



HOME SWEET HOME (HSH) SR11

Pelapor: Muhammad Amirul Azra Azhar

Home Sweet Home (HSH) merupakan salah satu program lawatan mesra di antara pihak pengurusan kolej (URHP, SRK, JPK dan Sekretariat) bersama penghuni kolej kediaman. Seramai 6 orang SRK dan 30 orang ahli JPK serta sekretariat telah bersama menjayakan lawatan temu mesra ini. Ianya telah melibatkan penghuni kolej kediaman di RC2 yang diadakan pada 14 Februari 2024 dan telah melibatkan sebanyak 52 buah unit rumah kediaman di kolej tersebut. Program ini adalah bertujuan untuk menerapkan nilai kesedaran dan tanggungjawab terhadap sikap kendiri di kalangan pelajar dengan mengutamakan kebersihan dalam diri, bilik dan unit rumah kediaman. Selain itu juga, objektif program ini untuk wujudkan persekitaran kolej kediaman yang bersih dan selesa.



Semasa lawatan temu mesra dijalankan penghuni bilik telah memberikan kerjasama yang baik. Bilik berada dalam keadaan bersih dan ceria. Semoga program seperti ini sentiasa dapat diteruskan di masa akan datang.

TEMU MESRA BERSAMA PENOLONG REKTOR

Pelapor: Pn. Nurul Nadzirah Ismail



Sesi temu mesra telah diadakan pada 14 Februari 2024 di antara staf Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Sesi 2023/2024 bersama YBhg. Profesor Madya Dr Mohd Haidzir Abd Manaf, Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Sesi temu mesra ini diadakan di Kolej Kediaman RC1, RC2 & RC3.



Sesi temu mesra ini bertujuan memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk bertemu secara langsung dengan Penolong Rektor yang baharu. Seterusnya, berkongsi pandangan dan pendapat untuk membentuk satu pasukan yang mantap dalam mencapai satu objektif yang sama.

EKSPEDISI USAHAWAN MUDA UITM (EUUMIS)

Pelapor: Mohamad Akmal Mohd Ashari



Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang buat julung kalinya telah berjaya menganjurkan program lawatan ke kilang pembuatan coklat yang telah meningkatkan kesedaran pelajar berkenaan ilmu keusahawanan dalam kehidupan seharian sebagai pelajar universiti.

Program ini melibatkan seramai 40 orang peserta yang merangkumi 30 orang Jawatankuasa Perwakilan Kolej, Sekretariat Kolej dan beberapa orang pelajar perubatan dan pergigian serta diiringi seramai 6 orang Staf Residen Kolej. Program ini telah berlangsung di Kilang Coklat Beryl's, Seri Kembangan, Selangor.



Aktiviti sepanjang program tersebut termasuklah penerangan digital berkenaan cara pembuatan coklat, proses pembungkusan dan cara pemasaran untuk penjualan. Dalam program ini juga, para peserta dibawa untuk melawat muzium yang memaparkan tentang sejarah kewujudan coklat. Melalui program tersebut, para peserta dapat menimba ilmu pengetahuan yang mendalam berkenaan ilmu pemasaran produk yang berkesan dalam melakukan sesuatu perniagaan.

Selaras dengan objektif program ini, ilmu keusahawanan dapat dipupuk dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta dapat mencapai hasrat UiTM dalam membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik namun berkebolehan tinggi dan diharapkan para peserta mendapat pengalaman yang berkesan melalui lawatan ini.



Segmen

FESKARA

FESTIVAL SENTUHAN
KASIH RAMADAN 2024

PROGRAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BULETIN CITRA
Edisi JANUARI
JUN 2024

KANTUNG IHsan Siswa

Pelapor: Nurul Izzah Atirah Mohamad Sani

Majlis penyerahan Kantung Ihsan Siswa adalah dengan kerjasama pihak Pertubuhan Ihsan Madani. Sebanyak 100 buah kantung berisi juadah sahur dan berbuka dibungkus dan disumbangkan oleh pihak Pertubuhan Ihsan Madani kepada 100 orang pelajar berkelayakan.

Program ini mendapat sokongan daripada Staf Residen Kolej (SRK) UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang, dan dirasmikan oleh YBrs. Dr. Norhasnida Nordin iaitu Pengetua Kolej Kediaman UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan.



DARIPADA PELAJAR, KEPADALAH PELAJAR.

Pihak kolej umumnya mengharapkan agar kerjasama dengan pertubuhan luar diperbanyakkan dan diperkasakan agar pelajar dan pihak komuniti masing-masing memperoleh kebaikan dan mendapat kepentingan pada masa yang akan datang.



**TERIMA KASIH,
IHSAN MADANI.**

PERTANDINGAN KESENIAN ISLAM

Pelapor: Mohamad Hanis Hakim Kasudinata & Muhammad Na'im Ahmad Helmi

Program Pertandingan Kesenian Islam anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah diadakan di Surau Az-Zahrawi, Kolej Kediaman 2, UiTM Kampus Sungai Buloh. Tujuan program ini diadakan bagi menyemarakkan bulan Ramadhan yang penuh berkat serta memupuk semangat kerohanian di kalangan pelajar UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang.



PERMATA SENI ISLAM

Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Alliance of Insaniah (ALIS) terbahagi kepada enam kategori pertandingan iaitu Hafazan kategori lelaki dan wanita, Tilawah Al-Quran kategori lelaki dan wanita, Laungan azan dan Tulisan Khat.

Program Pertandingan Kesenian Islam ini juga merupakan salah satu program di bawah program utama iaitu Festival Sentuhan Kasih Ramadan (FESKARA) 2024.

Selaras dengan objektif program ini untuk memupuk semangat kerohanian dan disamping mencungkil bakat-bakat semulajadi mahasiswa dan mahasiswi dalam aspek kesenian Islam.



CERAMAH HEART TO AL-QURAN

Pelapor: Nur Saadiah Hafidz



Ceramah "Heart To Al-Quran" ini dilaksanakan bagi menambah pengetahuan tentang Nuzul al-Quran dan memupuk sifat ingin membaca al-Quran dalam kalangan pelajar. Hal ini supaya para pelajar dapat menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, program ilmu seperti ini juga dapat meningkatkan ketakwaan dalam diri pelajar universiti.



Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Iddin Ramli, seorang pempengaruh media sosial, penulis buku dan pengasas syarikat Naseehat. Penceramah menyampaikan ceramah tentang kandungan di dalam Al-Quran yang dapat memberikan pengajaran kepada pelajar. Sesi soal jawab bersama-sama pelajar turut dilaksanakan agar pelajar mendapat jawapan terhadap sekarang kemasukan.

AL-QURAN DI HATI PELAJAR.

Tidak dinafikan program ceramah ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pelajar-pelajar Kampus Sungai Buloh. Program ini dimeriahkan lagi dengan berlangsungnya penjualan buku-buku ilmiah dan motivasi oleh Syarikat Naseehat dan ia mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar.



UNIFUEL RAMADAN: BUBUR LAMBUK EDITION

Pelapor: Anis Dania Izzati Mohd Zulkeflie



KEBAJIKAN PELAJAR, KEUTAMAAN KAMI.

UniFuelRamadan: Bubur Lambuk Edition merupakan program pengagihan bubur lambuk kepada staf dan pelajar kampus. Sebanyak 200 bekas telah ditempah dan diagihkan mengikut lokasi pengagihan – 150 bekas di Kolej Kediaman 1 (RC1) UiTM Kampus Sungai Buloh dan 50 bekas di Kolej Kediaman UiTM Kampus Selayang.



Profesor Madya Dr. Mohd Haidzir Abd Manaf, Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan dan Dr. Norhasnida Nordin, Pengetua Kolej Kediaman UiTM Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan turut melibatkan diri dalam operasi pengagihan ini.

Program ini disambut meriah oleh pelajar kerana ramai pelajar turun untuk mengambil bubur lambuk. Maka dengan itu, program ini boleh dikatakan sesuai untuk diadakan pada setiap tahun pada bulan ramadan.

MAJLIS PERASMIAAN PENUH

Pelapor: Mohammad Shameer Ihaping, Moha

FESKARA ERATKAN SILATURAHIM.

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang buat julung kalinya telah berjaya menganjurkan Program Festival Sentuhan Kasih Ramadhan (FESKARA) dan Majlis Iftar Perdana bagi meraikan Penghuni Rumah Anak-Anak Yam Teratak Che Dah, Rawang.



Festival Sentuhan Kasih Ramadhan tersebut telah berlangsung dari 20 Mac sehingga 30 Mac iaitu selama 10 Hari di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini. Dalam tempoh masa tersebut, pelbagai program telah dijalankan dan kesemua program ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya oleh Ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang dengan kerjasama daripada kelab-kelab yang terdapat di kampus ini.



UTUPAN &IFTAR PERDANA

mad Akmal Mohd Ashari, Nur Saadiah Hafidz



FESKARA PERTAMA DALAM SEJARAH.

Melalui program Pallet Perks: Buy N Donate (Ramadan Edition), pihak JPK telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM 5,000.00 melalui jualan amal dan kutipan daripada warga UiTM sendiri. Sumbangan tersebut telah diserahkan kepada Penghuni Rumah Anak Yam Teratak Che Dah dalam majlis penutup FESKARA tersebut oleh YBrs. Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (HEP) Universiti Teknologi MARA sendiri.

Program FESKARA adalah suatu inisiatif yang buat julung kalinya diadakan oleh pihak JPK sendiri bagi memeriahkan bulan Ramadhan yang barakah ini dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat dan berimpak tinggi dalam kalangan warga UiTM sendiri. Justeru, program FESKARA ini telah memberikan banyak manfaat bukan sahaja kepada warga UiTM sendiri malahan kepada masyarakat setempat juga.



Segmen

DIARI AKTIVITI

Fasa 2

HOME SWEET HOME (HSH) S1R1 2

Pelapor: Muhammad Amirul Azra Azhar

RUMAHKU, SYURGAKU.

Lawatan rumah ke rumah iaitu Home Sweet Home telah berlangsung buat kali kedua. Kali ini pihak pengajur iaitu Exco Keselamatan melaksanakan lawatan sekali lagi bagi menentukan pemenang bagi rumah yang terbaik bagi setiap bangunan kolej di Kampus Sungai Buloh dan juga Kampus Selayang. Sebanyak 135 unit rumah kediaman telah dilawat dan pemenang ditentukan melalui kebersihan meja makan, bilik tidur, tandas dan ruang tamu.



Hadiyah diberikan kepada para pemenang pada program Nurani Raya yang berlangsung pada 26 April 2024. Tahniah diucapkan kepada semua para pemenang. Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan dalam program ini bagi mencantik dan menceriakan suasana di dalam rumah masing-masing. Diharapkan kebersihan rumah daripada program ini dapat terus dikekalkan sehingga bila-bila.



NURANI BERKLAU DENGAN KEBAH

Pelapor: Galuh Chend

Kejayaan penganjuran program sambutan Nurani Raya oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) di Lobi Fakulti Perubatan UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh yang telah memberi kesedaran kepada pelajar untuk menghayati dan memanfaatkan bulan Syawal Al-Mubarak sebaik mungkin.

Program ini melibatkan seramai 500 orang peserta yang merangkumi 30 orang Jawatankuasa Perwakilan Kolej, Sekretariat Kolej, dan beberapa orang pelajar perubatan dan pergigian disertai barisan tetamu kehormat antaranya Rektor UiTM Cawangan Selangor, Penolong Rektor UiTM cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan, Pengetua Kolej Kediaman, Dekan Fakulti Perubatan dan Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Perubatan.



Pelita indah lagi berseri,
Menjadi hiasan di Aidilfitri;
Ucapan dikirim pengganti diri,
Tanda ingatan tak layu di hati

RAYA: AGIAAN DAN KEBERKATAN

Iana Qirana Sulhan



DIRAIKAN BERSAMA, SEMPURNA NURANI RAYA.

Aktiviti sepanjang program tersebut termasuklah jamuan makan raya, pertandingan menganyam ketupat dan pertandingan nyanyian raya oleh pelajar perubatan dan pelajar pergigian. Selain itu, terdapat juga sesi penyampaikan hadiah untuk pertandingan-pertandingan yang dijalankan sempena Nurani Raya 2024 seperti pertandingan photoshoot raya, pertandingan video iklan raya, pertandingan makeup kuih raya dan pertandingan busana raya terbaik.

Selaras dengan objektif program ini, sambutan hari raya dijalankan sebagai kesempatan untuk mendorong dan mempromosikan nilai-nilai kebaikan, kasih sayang dan kemanusiaan. Program ini juga memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengeratkan silaturrahim sesama warga UiTM.



PRELOVED CARBOOTSALE BAZAAR

Pelapor: Mohamad Akmal Mohd Ashari & Aisyah Sofea Affendei



Preloved Carbootsale Bazaar telah melibatkan seramai lebih kurang 35 vendor barang preloved, baju terpakai dan perhiasan persendirian yang mana telah dijemput khas daripada tapak perniagaan Preloved Carbootsale Bazaar yang berada di Damansara. Program ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar di sekitar kampus ini untuk berbelanja barang pakaian dengan harga yang mampu milik dan murah. Bukan itu sahaja, Pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah membuka peluang kepada pelajar kampus ini sendiri untuk menyertai jualan murah ini bersama-sama dengan vendor luar dan mencari pengalaman serta mencungkil bakat keusahawanan yang ada dalam diri pelajar di kampus ini.

Program ini telah berlangsung bermula jam 6.00 petang sehingga 10.00 malam dan diuruskan sepenuhnya oleh JPK selaku pengangur utama. Program ini adalah merupakan suatu inisiatif bagi memeriahkan suasana kolej serta memberikan peluang kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk menikmati pembelian pakaian dengan harga yang mampu milik. Justeru, program ini telah memberikan banyak manfaat bukan sahaja kepada warga UiTM sendiri malahan kepada masyarakat setempat juga dalam menjana pendapatan mereka.



POCKET PIXEL MASTERY

Pelapor: Sofea Adlynn Syazwina Rahimi

Program "Pocket Pixel Mastery" yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Kampus Sungai Buloh pada 8 Jun 2024 telah berjaya mencapai objektifnya dalam memberikan pendedahan serta meningkatkan kemahiran asas fotografi kepada para peserta. Program ini telah membangkitkan minat yang mendalam dalam seni visual dan fotografi, serta membuka peluang untuk jaringan dan hubungan yang lebih erat antara pelajar dari pelbagai fakulti dan persatuan.



Ceramah diisampaikan oleh En. Suffian bin Nodin, seorang jurugambar profesional dari SN Mega Resources, ceramah dan sesi praktikal yang dijalankan bukan sahaja membekalkan pengetahuan teknikal tetapi juga menyemai kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerjasama, dan kreativiti dalam kalangan peserta. Diharapkan, usaha seperti ini akan terus diteruskan dan ditingkatkan bagi memperkaya pengalaman pembelajaran dan pembangunan sahsiah para pelajar.

KEJOHANAN BOLA SEPAK: PIALA PENGETUA

Pelapor: Muhammad Norhaziq Izman

Kejohanan Bola Sepak: Piala Pengetua yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh dan Selayang pada 30 Jun 2024 di padang Arena Melwood, Sungai Buloh. Kejohanan ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendorong dan mempromosikan nilai-nilai kebaikan, semangat berpasukan dan kerjasama. Program ini juga memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengeratkan silaturrahim antara pelajar.



SYABAS & TAHNIAH MEDIC FC, DENTAL FC

Pasukan Medic FC telah berjaya merangkul gelaran Juara setelah menewaskan Dental FC pada Kejohanan Bola Sepak Piala Pengetua 2024. Pasukan Medic FC telah berjaya memenangi kejohanan ini dengan jumlah bilangan gol sebanyak enam berbalas dua daripada Dental FC. Kejohanan turut dihadiri oleh Dr. Norhasnida Nordin bagi menyaksikan perlawanan dan merasmikan serta menyampaikan hadiah kepada pemenang.



SIDANG MEDIA

Sidang media Kejohanan Bola Sepak: Piala Pengetua telah dijalankan dua hari sebelum berlangsungnya kejohanan tersebut pada hari Ahad. Sidang Media berjalan dengan lancar dengan adanya kerjasama daripada kedua-dua belah pihak, iaitu Medic FC dan Dental FC. Terdapat beberapa soalan berkaitan dengan persediaan bagi kejohanan ini telah diajukan kepada kedua-dua kapten pasukan dalam sidang media tersebut. Sidang Media berakhir dengan penggambaran kedua-dua belah pihak bersama Dr. Norhasnida Nordin dan juga Piala Pusingan.



Segmen

PENYERTAAN

Kolej

MAJLIS ANUGERAH BAKAT MAPUM (MABMA) 2023

Anjuran: Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM)



29 Mei 2024 – Rektor dan warga UiTM Cawangan Selangor (UCS) mengucapkan tahniah dan syabas kepada Puan Nurul Nadzirah Ismail, Penolong Pendaftar (Pengurusan Asrama) UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan kerana berjaya menerima Anugerah Staf Inovasi Cemerlang Kolej Kediaman Kategori Perak sempena Majlis Bakat MAPUM (MABMA) 2023.

Penganjuran anugerah oleh Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM) itu bertujuan menghargai bakat-bakat di kolej kediaman Universiti Awam (UA) merangkumi kategori pelajar, staf sokongan dan pengurusan, dan professional.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 & KENAIKAN PANGKAT

Anjuran: UiTM Cawangan Selangor (UCS)



Sekalung tahniah kepada Puan Nur Fatimah Ibrahim Ngajimi, Penyelia Asrama Kanan URHP UiTM Cawangan Selangor Kampus Teluk Intan atas penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Sekalung tahniah juga diucapkan atas perlantikan ke jawatan Pegawai Eksekutif (N29) Bidang Asrama di Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM, Bandar Enstek, Nilai yang berkuatkuasa pada 15 Julai 2024.

KEJOHANAN BOLING TERTUTUP PEJABAT PENOLONG REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN

Anjuran: Bahagian Pengurusan Fasiliti



01 Jun 2024 - Sempena 25 tahun UiTM, satu Kejohanan Boling Tertutup Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti dan disertai oleh 14 pasukan yang terdiri daripada PTJ Pejabat Penolong Rektor.

Kejohanan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Profesor Madya Dr Mohd Haidzir Abd Manaf, Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan dan kejohanan ini telah diadakan di Ampang Superbowl Malaysia @ Subang USJ.

Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) menduduki tempat ke-8 dari kedudukan ke-13 dan En. Nik Nazim, memenangi Anugerah Pemain Terbaik Tempat Ke-2 Kategori Lelaki

HARI KERJAYA & KEUSAHAWANAN

Anjuran: Fakulti Perubatan UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan



27 Mei 2024 – Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) telah menjalankan jualan Palette Perks sempena Hari Kerjaya dan Keusahawan anjuran Fakulti Perubatan UiTM kampus Sungai Buloh. Jualan tersebut menyediakan beraneka menu makanan serta minuman seperti Croffle, Popia Crabstick, Chicken wrap dan Salad, Oden, Jagung manis, dan Air coklat.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa, JPK telah berjaya menyandang tempat pertama bagi PERTANDINGAN RERUAI TERBAIK sempena program tersebut.

KEJOHANAN FRISBEE 7 VS 7 2024

Anjuran: Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP) UiTM Cawangan Selangor



9 Jun 2024 – Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada wakil kolej kediaman Sungai Buloh, Airbourne Ultimate yang telah berjaya menyandang TEMPAT KEDUA dalam Kejohanan Ultimate Frisbee 7 vs 7 anjuran Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP) UiTM Cawangan Selangor.

Diharapkan, warga UiTM Sungai Buloh dapat mengambil inspirasi daripada kejayaan mereka lalu menyertai pertandingan seperti ini lagi bagi mengharumkan nama Kolej Kediaman kita.



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan



Official JPK Sungai Buloh & Selayang



@jpkusb



sites.google.com/view/jpkusb/home